



MAJLIS PERBANDARAN KAJANG

JALAN CEMPAKA PUTIH, OFF JALAN SEMENYIH,
43000 KAJANG, SELANGOR DARUL EHSAN.

TEL : 03-87377899 FAKS : 03-87377897

www.mpkj.gov.my

IKLAN JAWATAN KOSONG

(BIL. FAIL : (4) dlmMPKj.1/AM/1805/14/ JILID 3)

Permohonan adalah dipelawa kepada calon-calon warganegara Malaysia
(**Keutamaan Kepada Anak Negeri Selangor**),
berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan, yang berkelayakan untuk
mengisi kekosongan jawatan bertaraf **Kontrak** seperti berikut :

BIL	JAWATAN	GRED	TARAF
1.	Pegawai Khidmat Pelanggan	N19	Kontrak

JAWATAN 1 : PEGAWAI KHIDMAT PELANGGAN GRED N19

Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran dan Sokongan

Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana

Taraf Jawatan : Kontrak

Jadual Gaji : RM 1,352.00 – RM 4,003.00

SYARAT LANTIKAN :

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,352.00); atau
(ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,408.40); atau
(iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,464.80);
- d) Menguasai Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Menguasai bahasa ketiga adalah satu kelebihan; dan
- e) Personaliti dan perwatakan menarik.

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU :

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

CARA-CARA MEMOHON :

1. Borang permohonan boleh dimuat turun dari laman web www.mpkj.gov.my.
2. Borang permohonan hendaklah disertakan bersama dokumen tersebut :
 - (i) Salinan Kad Pengenalan
 - (ii) Sijil Kelahiran
 - (iii) Sijil-sijil Persekolahan
 - (iv) Sekeping Gambar Berukuran Pasport
3. Setiap Salinan Sijil/Dokumen hendaklah **DISAHKAN** oleh Pegawai Kerajaan (Kumpulan Pengurusan & Profesional) / Pengetua Sekolah / Wakil Rakyat / Penghulu / Ketua Kampung.
4. Bagi pegawai yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam, permohonan hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Perintah Am 21 dan Bab 'A' 1973 dan menyertakan bersama - sama Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini dan Laporan Nilai Prestasi Tahunan.
5. Semua dokumen hendaklah dikepilkan dengan kemas bagi mengelakkan kecaciran / kehilangan dokumen. Nama jawatan yang dipohon hendaklah dicatat di sebelah kiri atas sampul surat.
6. **BORANG PERMOHONAN YANG TIDAK LENGKAP DIISI / TIDAK MEMENUHI SYARAT AKAN DITOLAK.** Satu borang adalah untuk satu jawatan sahaja.
7. Hanya calon yang disenarai pendek sahaja layak dipanggil temuduga.
8. Permohonan yang tidak menerima apa-apa makluman selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah tidak berjaya. Calon yang dipanggil temuduga dan tiada makluman selepas enam (6) bulan dari tarikh temuduga adalah tidak berjaya. Tiada makluman bersurat akan dikeluarkan oleh pihak Majlis Perbandaran Kajang.
9. Permohonan hendaklah dialamatkan kepada :

**Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Kajang
Menara MPKj,
Jalan Cempaka Putih, Off Jalan Semenyih,
43000 Kajang,
Selangor Darul Ehsan.
(u/p: Bahagian Sumber Manusia.)**

TARIKH IKLAN : 2 NOVEMBER 2021 (SELASA)

TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 16 NOVEMBER 2021 (SELASA)